

20 NOV 2000

LID-PAMERAN (Bergambar)

PARA PEMIMPIN LAWAT PAMERAN DIALOG LANGKAWI

LANGKAWI, 20 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membawa pemimpin-pemimpin asing yang menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2000 (LID) melawat pameran yang menampilkan projek-projek teknologi maklumat (IT) Malaysia dan potensinya.

Semasa lawatan selama 45-minit itu, Dr Mahathir memberi taklimat kepada pemimpin-pemimpin itu akan projek-projek yang dijalankan oleh kerajaan dan sektor swasta dalam menjadikan Malaysia sebuah negara teknologi tinggi.

Antara institusi yang mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka semasa LID ialah Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Perkhidmatan Rundingan Industri Malaysia Sdn Bhd, Commonwealth Partnership for Technology Management Limited, Telekom Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

Pameran itu diadakan di foyer Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort, di sini sempena LID 2000 yang berlangsung selama empat hari.

Sepanjang lawatan itu, Dr Mahathir dibantu oleh Pengarah Pejabat Sains Sun Microsystem, John Gage, dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin itu.

Pameran MDC menampilkan tujuh aplikasi perdana di Koridor Raya Multimedia (MSC), termasuk telekesihatan, e-kerajaan dan kad pelbagai kegunaan.

Antara projek yang menarik perhatian pemimpin-pemimpin itu ialah projek telekesihatan yang akan membolehkan pesakit mendapatkan khidmat doktor melalui Internet.

Mereka juga tertarik dengan kad pelbagai kegunaan iaitu kad pertama di dunia seumpama itu yang mengandungi butir-butir pengenalan, lesen pemandu, pasport antarabangsa dan maklumat kesihatan mengenai pemiliknya.

-- BERNAMA

AR PR